


# UCAPAN BAJET 2015

OLEH  
YAB DATO' SERI DIRAJA DR. ZAMBRY BIN ABD. KADIR  
MENTERI BESAR PERAK DARUL RIDZUAN



KETIKA MEMBENTANGKAN  
RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2015

MEMBAWA USUL  
KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN 2015

08 DISEMBER 2014

**TEKS UCAPAN  
BAJET TAHUN 2015  
NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani,

Selawat serta salam kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W

Yang Berhormat Dato' Sri Yang Dipertua,

Saya mohon izin membawa usul-usul berikut:

**Pertama:**

**Mengusulkan bahawa Rang Undang-undang yang dinamakan “Suatu Enakmen Bagi Menggunakan Sejumlah Wang Daripada Kumpulan Wang Disatukan Untuk Perkhidmatan Bagi Tahun 2015 Dan Bagi Memperuntukkan Wang Itu Untuk Perkhidmatan Bagi Tahun Itu” dibacakan bagi kali kedua.**

**Kedua:**

**Mengusulkan satu ketetapan yang berbunyi:**

**“Bahawa butir-butir dalam penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Dewan Bilangan 36 Palang 2014, adalah dengan ini diumumkan menjadi tujuan yang mana Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 itu boleh digunakan. Bahawa perbelanjaan sejumlah wang sebanyak tiga ratus empat puluh dua juta tujuh ratus sepuluh ribu ringgit (RM342,710,000) yang ditunjukkan dalam penyata tersebut adalah dengan ini diluluskan bagi tahun 2015. Seterusnya jumlah wang yang ditunjukkan berhadapan dengan tiap-tiap butir dalam penyata itu adalah dengan ini diperuntukkan bagi maksud-maksud yang ditetapkan.”**

Dato' Sri Yang Dipertua,

## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan kurnia dan rahmat-Nya, Negeri Perak Darul Ridzuan terus berada di dalam keadaan aman dan makmur. Ini membolehkan kita sekali lagi berhimpun di Dewan Negeri yang mulia ini, bagi mencari permuafakatan dan melunaskan tanggungjawab untuk manfaat rakyat dan negeri tercinta.

2. Izinkan saya memulakan ucapan ini dengan memetik ayat suci al-Quran berbunyi:

***"Dan tuntutanlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia; dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmatNya yang melimpah-limpah); dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang yang berbuat kerosakan ".***

**(Al-Qasas: Surah 28, Ayat 77)**

3. Ayat ini mengingatkan kita tentang peri pentingnya berada dalam keseimbangan untuk memenuhi tuntutan kehidupan di dunia tanpa melupakan tanggungjawab di akhirat dan juga peringatan untuk saling berbuat baik dan tidak melakukan kerosakan di atas muka bumi Allah. Menyedari hakikat ini, Kerajaan Negeri akan memastikan kesungguhan untuk membawa kesejahteraan dan kemakmuran rakyat dan berusaha untuk meraih keseimbangan antara keperluan ekonomi dan tanggungjawab sosial serta berada di landasan nilai-nilai yang tidak membawa kerosakan kepada kehidupan di muka bumi.

4. Dengan latar belakang itu, penyediaan Bajet Negeri Perak bagi tahun 2015 dilandaskan atas prinsip yang mencakupi empat perkara asas iaitu **dengan izin**:

Mampu	-	Affordable	-	A
Realistik	-	Realistic	-	R
Boleh dicapai	-	Achievable	-	A
Mapan	-	Sustainable	-	S

Singkatannya A.R.A.S.

5. Prinsip A.R.A.S ini mengambil kira tahap kemampuan kewangan negeri, supaya ianya realistik dan boleh dicapai serta mapan.

6. Dalam persekitaran yang kian mencabar, di mana belanja mengurus sentiasa meningkat setiap tahun, manakala sumber hasil negeri hanya meningkat pada kadar marginal berbanding peningkatan belanja mengurus, dan dalam masa yang sama hasrat menambah belanja pembangunan terus membara, maka hanya amalan perbelanjaan berhemah yang menjadi pilihan.

Dato' Sri Yang Dipertua,

7. Sekilas imbau, sejak tahun 2009 hingga tahun 2014, jumlah hasil dan terimaan pembangunan negeri telah meningkat dari 711.84 juta ringgit kepada unjuran 970.14 juta ringgit, iaitu peningkatan sebanyak 258.3 juta ringgit atau 36.29 peratus. Bagi tempoh yang sama, peruntukan pembangunan telah meningkat dari 175.84 juta ringgit pada tahun 2009 kepada 338.98 juta ringgit pada tahun 2014, iaitu pertambahan sebanyak 163.14 juta ringgit atau 92.77 peratus. Peningkatan peruntukan pembangunan yang begitu ketara dalam tempoh tersebut adalah bukti kesungguhan Kerajaan Negeri yang diterajui Barisan Nasional dalam konteks mensejahterakan kehidupan rakyat dan memajukan negeri tercinta ini.

#### **PRESTASI EKONOMI 2014 DAN PROSPEK EKONOMI 2015**

8. Pertumbuhan ekonomi dunia dijangka berkembang secara sederhana sehingga suku ketiga tahun 2014. Ia susulan perkembangan baik dalam aktiviti ekonomi di beberapa buah negara utama dunia seperti Amerika Syarikat, China, Jepun, United Kingdom dan beberapa negara Eropah yang merancakkan aktiviti perdagangan antarabangsa.

9. Manakala bagi tahun hadapan, kejatuhan harga minyak mentah, penyusutan nilai ringgit serta ketidaktentuan harga komoditi, dijangka akan memberi kesan terhadap ekonomi secara keseluruhannya.

10. Menginsafi suasana ini, Kerajaan Negeri akan terus komited untuk memperkasakan program-program kesejahteraan rakyat dalam bajet kali ini. Ia bertepatan dengan pendekatan ekonomi rakyat (people's economy) yang diketengahkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa membentangkan Bajet Negara Tahun 2015. Antara lain Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyebut, "... ekonomi keperluan rakyat menjadi paksi dan

pegangan dalam mendahulukan kepentingan rakyat. Barulah nanti apabila kita mencapai status Negara Maju, nikmat kekayaan dan kemakmuran sebenar negara akan melimpah ke kaki-kaki halaman serta mengetuk pintu-pintu rumah setiap rakyat di negara ini. InsyaAllah.”

Dato' Sri Yang Dipertua,

## **KELUARAN DALAM NEGARA KASAR (KDNK) NEGERI PERAK**

11. Berdasarkan kepada prestasi pertumbuhan ekonomi negara pada suku pertama, kedua dan ketiga tahun 2014, Negeri Perak dijangka dapat mengekalkan momentum pertumbuhan pada kadar 5 hingga 6 peratus pada tahun 2014 dan 2015. Pertumbuhan itu dijangkakan akan terus disumbangkan oleh sektor perkhidmatan dan pembuatan.

### **Pelaburan**

12. Negeri Perak terus mendapat keyakinan pelabur. Sehingga Julai 2014, pelaburan di sektor pembuatan di Negeri Perak yang diluluskan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) berjumlah **928.07 juta ringgit** yang terdiri daripada 358.02 juta ringgit pelaburan asing dan 570.05 juta ringgit pelaburan tempatan. Pelaburan yang diluluskan ini melibatkan sebanyak 15 projek dan mewujudkan kira-kira 1,900 peluang pekerjaan.

13. Kerajaan Negeri juga telah menerima permohonan untuk membangunkan sebuah kilang peleburan besi waja bermutu tinggi bernilai 840 juta dollar Amerika ataupun 2.68 bilion ringgit yang bakal ditempatkan di Hilir Perak. Projek ini sedang dalam pertimbangan untuk kelulusan lesen pengilangan oleh MIDA.

14. Bagi memastikan kemasukan pelaburan berkualiti yang berterusan, Kerajaan Negeri sentiasa berusaha mewujudkan suasana mesra pelabur dan kondusif. Antaranya dengan menyediakan kawasan perindustrian bertaraf antarabangsa seperti **Perak Eco Hub** di daerah Hilir Perak dan **Perak Hi Tech Park** di Chemor yang dapat menyokong pembangunan industri terutama industri berteknologi tinggi. Pasukan Petugas Pemudah Cara Perniagaan (PEMUDAH) juga turut memainkan peranan sebagai pemboleh **dengan izin** (enabler) bagi merangsang kemasukan pelaburan ke Negeri ini.

Dato' Sri Yang Dipertua,

#### **RANCANGAN MALAYSIA KE-SEPULUH (RMKe-10)**

15. Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) akan melabuhkan tirainya pada penghujung tahun 2015. Sepanjang pelaksanaan RMKe-10 tersebut, Negeri Perak telah menerima peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan sebanyak **4.45 bilion ringgit** untuk 551 projek yang telah diluluskan, di mana 351 adalah projek baru dan 200 merupakan projek sambungan. Sehingga Disember 2014, sebanyak **3.12 bilion ringgit** atau 70.11 peratus telah dibelanjakan.

16. Bagi projek-projek RMKe-10 di bawah peruntukan Kerajaan Negeri, siling berjumlah **1.6 bilion ringgit** telah diluluskan untuk tempoh 2011 hingga 2015. Sehingga 1 Disember 2014, sebanyak **1.11 bilion ringgit** atau 70 peratus telah dibelanjakan di bawah Bajet Pembangunan negeri.

17. Pada kesempatan ini, saya bagi pihak Kerajaan Negeri ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan atas kelulusan tiga projek keutamaan negeri sebagai projek tambahan yang akan dilaksanakan mulai tahun 2015. Ketiga-tiga projek tersebut adalah Hospital Seri

Iskandar bernilai 120 juta ringgit, Kolej Kemahiran Tinggi MARA di Selama bernilai 200 juta ringgit, dan Klinik Kesihatan Manjoi (Jenis 3) bernilai kira-kira 30 juta ringgit. Ketiga-tiga projek ini yang bernilai 350 juta ringgit telah diluluskan walaupun ianya tidak tersenarai dalam RMKe-10.

Dato' Sri Yang Dipertua,

### **LEBUH RAYA PERSISIRAN PANTAI BARAT (LPPB)**

18. Kita juga bersyukur keputusan kerajaan untuk melaksanakan Projek Lebu Raya Persisiran Pantai Barat (LPPB) sepanjang 233 kilometer dengan anggaran kos pembangunan sebanyak 6 bilion ringgit dan dijangkakan siap dalam tempoh 5 tahun.

19. Pembinaan LPPB ini sudah pastinya akan merangsang pertumbuhan ekonomi di sepanjang lebu raya berkenaan. Ini ditambah lagi apabila ianya akan menghubungkan terus ke Pelabuhan Klang dengan Pelabuhan Lumut yang akan memberi manfaat kepada sektor industri di kawasan perindustrian Bagan Datoh dan Lumut serta kawasan-kawasan perindustrian lain yang berhampiran.

20. Selain daripada itu, saya juga ingin memaklumkan permohonan Kerajaan Negeri bagi Projek Menaik taraf Laluan FT60 dari Damar Laut ke Changkat Jering sepanjang 19 kilometer telah pun diluluskan pada 14 November 2014 oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Projek ini melibatkan Pakej 1 antara Kg. Batu 3 ke Segari dan Pakej 2A antara Segari ke Kg. Sungai Batu. Projek ini akan menelan belanja sebanyak 247.5 juta ringgit.

Dato' Sri Yang Dipertua,



## **WILAYAH EKONOMI KORIDOR UTARA (NCER)**

21. Saya juga ingin mengambil kesempatan bagi memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, Daerah Manjung telah dimasukkan ke dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) pada 28 Januari 2014. Keputusan ini sudah pasti akan dapat membantu merancakkan lagi pembangunan di daerah ini.

22. Peranan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) yang mempromosi dan mempercepatkan pertumbuhan ekonomi dan sosial khususnya di kawasan utara Negeri Perak di dalam sektor pertanian, pembuatan, pelancongan dan sektor pembangunan modal insan amat dihargai oleh Kerajaan Negeri Perak. Malah, NCIA kini telah memasuki Fasa ke-2 pembangunannya iaitu dari tahun 2013 sehingga tahun 2020 dengan meluaskan peranan sektor swasta dalam pembangunan ekonomi.

Dato' Sri Yang Dipertua,

## **BAJET TAHUN 2015**

23. Bajet Tahun 2015 disediakan dengan unjuran Hasil dan Terimaan Pembangunan sebanyak **satu bilion, empat ratus lima puluh tujuh ribu ringgit (RM1,000,457,000)** yang terdiri dari Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil berjumlah **960.46 juta ringgit** dan Terimaan Pembangunan **40 juta ringgit**.

24. Anggaran Perbelanjaan Mengurus tahun 2015 di bawah Maksud Tanggungan dan Bekalan dicadangkan sebanyak **707.81 juta ringgit**. Ia merangkumi 318.35 juta ringgit bagi perbelanjaan emolumen, 254.28 juta ringgit bagi perkhidmatan dan bekalan, 13.21 juta ringgit bagi pembelian aset, 119.47 juta

ringgit untuk Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap serta 2.5 juta ringgit untuk lain-lain perbelanjaan.

25. Peruntukan Pembangunan tahun 2015 pula disediakan sebanyak **342.71 juta ringgit** di mana sektor sosial dan kesejahteraan rakyat menerima agihan tertinggi iaitu 152.47 juta ringgit, diikuti peruntukan untuk infrastruktur berjumlah 152.04 juta ringgit dan 38.20 juta ringgit untuk sektor ekonomi.

26. Dengan mengambil kira unjuran Hasil dan Terimaan Pembangunan berjumlah **satu bilion, empat ratus lima puluh tujuh ribu ringgit (RM1,000,457,000)** serta Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan berjumlah **satu bilion, lima puluh juta, lima ratus lapan belas ribu, empat ratus tujuh puluh tiga ringgit (RM1,050,518,473)**, Bajet Tahun 2015 diunjurkan sebagai bajet defisit sebanyak **50.06 juta ringgit**.

Dato' Sri Yang Dipertua,

#### **FOKUS BAJET TAHUN 2015**

27. Melalui penglibatan setiap golongan rakyat dan kerjasama yang kuat antara anggota pentadbiran serta perkhidmatan awam, Kerajaan Negeri akan terus berusaha membangunkan Negeri Perak ke arah kehidupan yang lebih berkualiti.

28. Untuk itu, bertemakan **PERAK AMANJAYA, RAKYAT TERPELIHARA**, Bajet Tahun 2015 akan memberi tumpuan kepada lima (5) fokus utama iaitu:

**Pertama:** Merencanakan Pertumbuhan Ekonomi Yang Berkualiti Dan Lestari;

**Kedua:** Menjana Pertambahan Hasil Negeri Dan Memantapkan Program Kesejahteraan Rakyat Secara Inklusif;

**Ketiga:** Mengupayakan Modal Insan Yang Cemerlang;

**Keempat:** Memperkukuhkan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Awam Serta Mengeratkan Kerjasama Awam dan Swasta; dan

**Kelima:** Mempertingkatkan Kapasiti Dan Jaringan Infrastruktur Serta Kemudahan Awam.

Dato' Sri Yang Dipertua,

## **FOKUS PERTAMA: MERANCAKKAN PERTUMBUHAN EKONOMI YANG BERKUALITI DAN LESTARI**

29. Usaha-usaha membangunkan Negeri Perak dan membela kesejahteraan rakyat masih lagi berteraskan kepada **Pelan Pembangunan Perak Amanjaya**, yang mengandungi **tujuh (7) Bidang Keberhasilan Utama (KRA)**. Usaha-usaha tersebut telah mula menampakkan hasil yang ketara.

### **Pembangunan Bandar Meru Raya**

30. Pembangunan Bandar Meru Raya oleh Kumpulan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (Kumpulan PKNP) akan dirancahkan lagi dengan pembangunan sebuah taman tema berasaskan animasi iaitu *Animation Theme Park* **dengan izin** yang bernilai 400 juta ringgit dan dijangka siap pada hujung tahun 2015. Pembangunan Animation Theme Park ini bakal disokong oleh pembangunan Water Park & Ice Park, Theme Hotel & Service Apartment, Bulatan 18, Restoran Rumah Melayu dan Central Business District. Kesemua projek-projek di Bandar Meru Raya dirangka untuk menjadikan ianya sebuah bandar yang bersifat 'self-contained' **dengan izin**, bersepadu, efisien dan moden dengan persekitaran yang berkualiti yang sesuai untuk kehidupan, pekerjaan, perniagaan serta aktiviti riadah.

## **Pembangunan Bandar-bandar Baru dan Pekan-pekan Kecil**

31. Selain Bandar Meru Raya, Kumpulan PKNP juga sedang giat melaksanakan pembangunan bandar baru di Bandar Tapah Road yang telah dimulakan pembinaan fasa pertamanya pada tahun 2014. Perancangan sedang dibuat bagi membangunkan Bandar Pelabuhan Rungkup dan Bandar Satelit Batu Kurau agar ia dapat merancakkan pembangunan sosioekonomi masyarakat setempat.

32. Bagi pembangunan semula pekan-pekan kecil, sehingga kini, pembangunan pekan Ijok, Trong dan Sauk telah dimulakan oleh Kumpulan PKNP dan dijangka siap sepenuhnya pada akhir 2014. Manakala pembangunan pekan Kubu Gajah dan Lekir dijangka siap pada tahun 2015. Selain itu, sebelas (11) lagi pekan kecil juga telah dimulakan pembangunannya iaitu Pekan Simpang Lima Kerian, Pekan Gunung Semanggol, Pekan Kampung Slim, Pekan Changkat Jong, Pekan Bagan Datoh, Pekan Manong, Pekan Lawin, Pekan Bandariang, Pekan Tanjung Tualang, Pekan Temoh dan Pekan Sungai Manik. Secara keseluruhan, sebanyak 41 buah pekan kecil sedang dirancang untuk dibangunkan oleh Kumpulan PKNP.

Dato' Sri Yang Di Pertua,

## **Meneruskan Agenda Pembangunan Lestari**

33. Semasa membentangkan Bajet Tahun 2014 yang lalu, Kerajaan Negeri telah menyatakan hasrat dan iltizam untuk menguruskan hutan-hutan simpan melalui amalan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan **dengan izin *Sustainable Forest Management*** (SFM). Oleh itu, sukacita dimaklumkan bahawa satu juta hektar kawasan berhutan di Negeri Perak telah diwartakan sebagai Hutan Simpan Kekal yang diuruskan dengan amalan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan. Ini menjadikan hampir 50 peratus daripada keluasan tanah negeri diliputi dengan kawasan berhutan. Malah, Jabatan Perhutanan Negeri Perak juga telah

memperoleh Sijil Pengurusan Hutan mengikut piawaian Malaysian Criteria & Indicator (Hutan Asli). Penganugerahan Sijil Pengurusan Hutan tersebut adalah satu manifestasi membuktikan kawasan berhutan di Negeri Perak telah diuruskan secara berkekalan berdasarkan kriteria pengurusan bertaraf antarabangsa dan ini bertepatan dengan **KRA-7** Perak Amanjaya iaitu **Amalan Mesra Alam dan Kelestarian Sumber**.

34. Pada November 2014, Persidangan Pengurusan Hutan Paya Bakau Matang telah berjaya diadakan yang melibatkan penyelidik tempatan dan antarabangsa, pengurus-pengurus hutan, pertubuhan bukan Kerajaan dan masyarakat setempat. Ia merupakan medan perkongsian idea dan kepakaran dalam usaha memantapkan pengurusan mampan Hutan Paya Bakau Matang yang turut dikenali sebagai The World's Best Managed Mangrove Forest, seperti yang dilaporkan di dalam pelbagai jurnal saintifik antarabangsa.

35. Lanjutan daripada kejayaan Jabatan Perhutanan Negeri Perak mencapai sasaran bagi Program Tanaman 1 juta Pokok Negeri Perak pada tahun 2013, Kerajaan Negeri telah melancarkan sasaran Tanaman 2 Juta Pokok Negeri Perak pada November 2013. Pada 25 November 2014, jumlah pokok-pokok hutan yang ditanam di seluruh Negeri Perak telah mencapai bilangan lima juta pokok, jauh melebihi sasaran yang ditetapkan. Pencapaian cemerlang ini dicapai dengan usaha keras dan kerjasama semua pihak seperti masyarakat setempat, pelajar sekolah dan lain-lain lagi melalui pelbagai Program Perhutanan Sosial yang diperkenalkan oleh pihak Jabatan Perhutanan Negeri Perak.

Dato' Sri Yang Dipertua,

36. Selain memberi fokus terhadap pembangunan hutan secara berkekalan, Kerajaan Negeri juga akan membangunkan Geopark Lembah Kinta yang meliputi Daerah Kinta dan Kampar seluas hampir 2,000 kilometer persegi. Pada tahun 2014, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan 500 ribu ringgit bagi Geopark

Lembah Kinta. Sehingga kini, peta terperinci kawasan berkenaan telah dikenal pasti di samping kerja-kerja pengumpulan maklumat yang giat dilakukan serta penganjuran aktiviti pelancaran dan publisiti bagi mengukuhkan lagi jenama Geopark Lembah Kinta.

37. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri akan menambah peruntukan sebanyak **500 ribu ringgit** kepada **1 juta ringgit** pada tahun 2015 untuk melaksanakan pelbagai program berbentuk pendidikan dan penerangan, penyelidikan, publisiti, pembentangan kertas kerja di Simposium Geopark Network Asia Pasifik dan penyediaan prasarana pengurusan serta Pelan Pembangunan Geopark Lembah Kinta.

Dato' Sri Yang Dipertua,

## **Memacu Sektor Pertanian, Penternakan dan Pelancongan**

### **Pertanian**

38. Bagi memperkukuhkan rantai bekalan makanan serta membantu warga tani di negeri ini meningkatkan pendapatan mereka, Kerajaan Negeri akan terus memberi keutamaan kepada sektor pertanian dengan peruntukan sebanyak **8 juta ringgit** pada tahun 2015. Program yang akan dilaksanakan memberi fokus kepada pembangunan industri tanaman makanan, pembangunan keupayaan, kemahiran dan menjana ekonomi petani terutamanya golongan belia menerusi aktiviti pengembangan, bimbingan dan rundingan bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran usahawan tani.

## **Penternakan**

39. Begitu juga dengan kepentingan sektor penternakan yang selari dengan sektor pertanian dalam menjamin rantaian bekalan makanan yang mencukupi. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri akan menyediakan **9 juta ringgit** pada tahun 2015 yang akan digunakan bagi merencanakan pembangunan komoditi ruminan, membangunkan zon industri makanan ternakan serta perkhidmatan sokongan dan teknikal yang lain.

## **Pelancongan**

40. Sempena sambutan 'Malaysia Year of Festivals' pada tahun 2015, Kerajaan Negeri turut menyusun pelbagai strategi bagi merencanakan industri pelancongan dengan sasaran kedatangan pelancong seramai 5.5 juta orang ke Negeri Perak. Untuk itu, Kerajaan Negeri bersetuju menambah peruntukan sebanyak **500 ribu ringgit** kepada **8.5 juta ringgit** pada tahun 2015 bagi memperbanyakkan aktiviti pelancongan dan memperluaskan promosi meliputi pelancong domestik dan antarabangsa seperti negara-negara Arab, Jepun, Korea, China dan juga Barat.

41. Kedatangan pelancong terutama di dalam industri ekopelancongan dan pelancongan kesihatan ke Negeri Perak juga dapat ditingkatkan lagi melalui perkhidmatan penerbangan yang disediakan oleh Firefly, Malindo Air dan YOU Wings (Sriwijaya Air). Setakat Disember 2014, tiga syarikat penerbangan tersebut mengendalikan penerbangan terus dua hala dari Subang, Johor Bahru, Singapura dan Medan ke Ipoh. Kejayaan ini adalah hasil dari usaha gigih Kerajaan Negeri menambah baik, sekali gus menaik taraf Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah, Ipoh yang melibatkan kos 37.6 juta ringgit, serta pelbagai inisiatif untuk mempromosikannya.

42. Ini ditambah lagi dengan penganjuran pelbagai persidangan dan seminar antarabangsa dan program pelancongan sukan di Negeri Perak. Antara persidangan antarabangsa yang berjaya diadakan adalah World Conference on Islamic Thought and Civilization (WCIT) dan Pangkor International Development Dialogue (PIDD). PIDD merupakan platform persidangan antarabangsa yang bertujuan untuk menggalakkan perkongsian dan pertukaran ilmu, maklumat, idea serta pengalaman di dalam pembangunan bidang-bidang tertentu secara global oleh pakar-pakar luar negara serta meletak dan menaikkan nama Negeri Perak di mata dunia. Bagi tujuan itu, Kerajaan Negeri akan meneruskan peruntukan untuk **Program Persidangan dan Seminar Antarabangsa** serta **Program Pelancongan Sukan** yang masing-masing diperuntukkan **3 juta ringgit** pada tahun 2015.

#### **Pembangunan Peniaga-peniaga Kecil dan Usahawan**

43. Yayasan Bina Upaya Darul Ridzuan (YBU) ditubuhkan sebagai wadah bagi mengupayakan semula masyarakat dari segenap bangsa dan latar belakang terutama bagi meningkatkan taraf kehidupan golongan terkebahawah, antaranya melalui pembangunan peniaga-peniaga kecil dan usahawan.

44. Melalui perkhidmatan ini, dan selaras dengan **KRA-1** iaitu **Agihan dan Pembangunan Seimbang** terdapat 4 program yang akan terus dilaksanakan pada tahun 2015 iaitu Skim Iktisad Bina Upaya (IBU), Skim Mikro Kredit Amanjaya Belia Niaga, Skim Pembiayaan Kluster Ekonomi Keluarga dan Kiosk Amanjaya dengan jumlah keseluruhan peruntukan sebanyak **7 juta ringgit**. Ia merangkumi Skim Iktisad Bina Upaya sebanyak **4 juta ringgit**, Skim Mikro Kredit Amanjaya Belia Niaga, Skim Pembiayaan Kluster Ekonomi Keluarga dan Kiosk Amanjaya dengan masing-masing diperuntukkan sebanyak **1 juta ringgit**. Sehingga November 2014, pinjaman berjumlah **4.33 juta ringgit** telah diluluskan bagi tujuan tersebut.



45. Dalam usaha menambah baik program-program sedia ada ini, Kerajaan Negeri akan memantapkan proses saringan permohonan bagi memastikan pemohon yang benar-benar layak dan berminat diberikan keutamaan serta dapat mewujudkan sifat benar-benar ingin berniaga di kalangan pemohon.

Dato' Sri Yang Dipertua,

## **FOKUS KEDUA: MENJANA PERTAMBAHAN HASIL NEGERI DAN MEMANTAPKAN PROGRAM KESEJAHTERAAN RAKYAT SECARA INKLUSIF**

46. Menjana pendapatan negeri yang mampan merupakan cabaran besar dalam menyediakan mana-mana bajet tahunan negeri, terutama Bajet Tahun 2015 yang merupakan pelengkap kepada Rancangan Malaysia ke-10. Ianya lebih mencabar kerana punca utama hasil negeri tidak berubah iaitu daripada sumber tanah, air dan hutan, tetapi kos operasi semakin bertambah.

### **Memperkasa sektor perlombongan**

47. Sektor perlombongan yang suatu ketika dahulu menjadi ikon Negeri Perak akan kembali dimajukan melalui penglibatan aktif Perbadanan Menteri Besar (PMB) dan ianya dijangka mampu menjana hasil yang tinggi kepada Kerajaan Negeri. Di bawah PMB, sektor perlombongan akan dibangunkan melalui pembangunan industri hulu dengan melaksanakan dan memantapkan aktiviti perlombongan dan kuari secara lestari. Di samping itu, PMB sedang menyediakan Pelan Tindakan Pembangunan Mineral Negeri Perak agar negeri ini mampu menambah kepada pengeluaran bijih timah dunia menjelang tahun 2020. Ia turut melibatkan pembangunan kawasan bekas lombong terutamanya di sekitar Ipoh, penubuhan Lembah Timah (Tin Valley) di Pengkalan Hulu serta meningkatkan pelaburan dalam industri hiliran.

## **Memantapkan Program Kesejahteraan Rakyat**

48. Kerajaan Negeri di bawah pentadbiran Barisan Nasional telah memperkenalkan pelbagai program yang bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat. Ini melibatkan penjana ekonomi, membasmi kemiskinan, perumahan rakyat, bantuan kebajikan, menambah baik keselesaan dan kualiti hidup serta memperkukuhkan penglibatan masyarakat pelbagai agama dan bangsa.

49. Sehubungan itu, Bajet Tahun 2015 akan meneruskan dan memantapkan program-program kesejahteraan rakyat sedia ada serta melakukan penambahbaikan di mana perlu.

Dato' Sri Yang Dipertua,

## **Pembasmian Kemiskinan dan Bantuan Kebajikan**

50. Usaha berterusan dalam pembasmian kemiskinan sentiasa menjadi perhatian utama Kerajaan Negeri di bawah Barisan Nasional sejak selepas merdeka. Namun, fenomena kemiskinan akan sentiasa berlaku dan boleh berulang mengikut keadaan ekonomi dan persekitaran yang sentiasa berubah. Untuk itu, peranan pihak Kerajaan adalah untuk menyediakan lonjakan rangsangan kepada pelbagai kategori golongan miskin ini agar berupaya meletakkan diri mereka di atas tangga pembangunan dan jaringan keselamatan sosial.

51. Justeru itu, pelbagai usaha pembasmian kemiskinan serta pemberian bantuan kepada golongan miskin tegar dan miskin akan terus menjadi agenda utama pihak kerajaan sama ada oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri.

52. **Program Bantuan Rumah** atau dikenali sebagai Projek Infra Bina Upaya di bawah YBU sangat signifikan dalam membantu menyediakan rumah kediaman

yang selamat dan selesa kepada golongan terkebahawah. Sehingga November 2014, kesemua 5 juta ringgit telah dibelanjakan bagi kerja-kerja membina baru dan membaik pulih 584 unit rumah. Bagi terus menyokong program tersebut, peruntukan **5 juta ringgit** akan diteruskan pada tahun 2015.

53. Selain itu, **Program Bantuan Barangan Makanan** untuk keluarga yang kurang berkemampuan juga akan diteruskan dengan peruntukan **5 juta ringgit** pada tahun 2015. Untuk rekod, bagi tahun 2014, sehingga November sebanyak 3.9 juta ringgit telah dibelanjakan bagi tujuan tersebut.

54. Begitu juga dengan **Bantuan Wang Tunai Perayaan** di mana Kerajaan Negeri akan meneruskan peruntukan **1 juta ringgit** pada tahun 2015.

55. Peranan penting Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dalam memberikan perkhidmatan sosial kepada setiap lapisan masyarakat bermula dari sekecil bayi sehingga ke akhir hayat amat dihargai oleh Kerajaan Negeri.

56. Sejak pembentangan Bajet tahun 2010, Kerajaan Negeri telah menambah peruntukan sebanyak 2.0 juta ringgit pada setiap tahun untuk Bantuan Am Jabatan Kebajikan Masyarakat. Ini menunjukkan komitmen Kerajaan Negeri dalam membela nasib rakyat. Lanjutan kepada komitmen tersebut, Kerajaan Negeri bersetuju untuk menambah lagi peruntukan **Bantuan Am** sebanyak **2.0 juta ringgit** menjadi **26.84 juta ringgit** pada tahun 2015. Peningkatan ini membolehkan penerima bantuan am menerima kadar bantuan yang lebih tinggi iaitu **150 ringgit sebulan**. Sehingga November 2014, seramai 9,883 orang telah menerima bantuan am tersebut dengan jumlah bantuan sebanyak **19.1 juta ringgit**.

57. Kerajaan Negeri juga akan meneruskan peruntukan sebanyak **3 juta ringgit** pada tahun 2015 untuk **Skim Tabaruk** iaitu bantuan khairat kematian. Bagi memudahkan proses di bawah program ini, pendaftaran peserta telah dimansuhkan mulai September 2014 supaya dapat diperluaskan berpandukan senarai penerima

bantuan bulanan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Baitulmal dan PERKESO, Orang Kelainan Upaya (OKU) yang berdaftar dengan JKM, Ketua Isi Rumah Miskin Tegar e-Kasih dan Orang Asli, warga tua miskin tegar, para pesara tentera, polis dan guru, imam, bilal, siak, paderi, sami Hindu dan Buddha, Ketua-ketua Kampung dan ahli Persatuan Pengedar-pengedar akhbar Negeri Perak. Sehingga Ogos 2014, seramai 245 waris telah menerima bantuan khairat kematian bernilai **245 ribu ringgit**.

58. Bagi membantu rakyat di pedalaman dan luar bandar mendapatkan barangan runcit dan keperluan asas pada harga yang berpatutan, Kerajaan Negeri telah melancarkan **Kedai Bergerak 1 Amanjaya (KB1AJ)** yang merupakan sebuah kedai bergerak yang menyokong dan memperluaskan lagi konsep Kedai Rakyat 1 Malaysia yang sedia ada. Untuk terus menyokong Kedai Bergerak 1 Amanjaya ini, peruntukan khusus sebanyak **500 ribu ringgit** akan disediakan mulai tahun 2015.

59. Kebajikan anak yatim dan warga tua terus diberi perhatian oleh Kerajaan Negeri. Sehubungan itu, peruntukan **1.0 juta** akan diteruskan pada tahun 2015 untuk penjagaan kebajikan **anak yatim** yang akan disalurkan melalui pusat-pusat jagaan anak yatim yang berdaftar di Negeri Perak.

60. Begitu juga peruntukan **150 ribu ringgit** untuk **warga tua** akan diteruskan melalui bantuan pengurusan di tujuh (7) buah pusat jagaan warga tua yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat di Negeri Perak berdasarkan bantuan per kapita **300 ringgit seorang**.

61. Sukacita juga dimaklumkan, buat pertama kalinya Kerajaan Negeri akan menyediakan perkhidmatan perlindungan **insurans atau takaful berkelompok** untuk Ketua Kampung Tradisional dan Kampung Baru. Untuk itu, peruntukan sebanyak **100 ribu ringgit** akan disediakan mulai tahun 2015.

62. Di bawah Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR), Lembaga Air Perak masih meneruskan bantuan kepada rakyat miskin melalui program subsidi bekalan air percuma sebanyak 20 meter padu sebulan kepada mereka yang layak. Sejak dilaksanakan dari tahun 2009, Lembaga Air Perak telah membelanjakan sebanyak **5.26 juta ringgit** bagi subsidi ini dan sehingga Oktober 2014, seramai 10,900 keluarga telah menikmatinya.

63. Dalam pada itu, mulai tahun 2013, Lembaga Air Perak juga telah meluaskan pemberian subsidi bekalan air percuma ini kepada rumah-rumah ibadat di Negeri Perak. Sejumlah **120 ribu ringgit** telah dibelanjakan pada tahun 2013 dan bagi tahun ini sehingga Oktober, perbelanjaan yang terlibat adalah sebanyak **90 ribu ringgit**.

Dato' Sri Yang Dipertua,

### **Pengupayaan NGO dan Aktiviti Kemasyarakatan**

64. Peranan dan penglibatan masyarakat secara berpersatuan atau NGO bersama Kerajaan Negeri dalam membangunkan negeri sentiasa diberikan perhatian. Malah kumpulan NGO inilah yang membantu Kerajaan dalam membentuk dan membangunkan sesuatu bangsa dan masyarakat sama ada dalam aspek politik dan sosial, hubungan kaum dan agama, alam sekitar, pendidikan, kesihatan, kebajikan dan pelbagai lagi. Ini bertepatan bagi mencapai **KRA-5 Perak Amanjaya** iaitu **Angkatan Generasi Muda yang Partisipatif dan Keharmonian Masyarakat**.

65. Oleh itu, sebagai menyokong pengisytiharan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa tahun 2015 sebagai tahun pemerkasaan NGO dan kesukarelawan atau MyNGO 2015, maka Kerajaan Negeri akan terus menyediakan peruntukan sebanyak **11 juta ringgit** pada tahun 2015. Ia merangkumi **6 juta ringgit** untuk Program Pembangunan NGO, **3 juta ringgit** untuk Program

Pembangunan Wanita dan Kebajikan serta **2 juta ringgit** untuk Program Pengupayaan Generasi Muda. Sehingga November 2014, sebanyak 7.98 juta ringgit telah dibelanjakan bagi tujuan tersebut.

66. Selain itu, peruntukan **4 juta ringgit** termasuk **500 ribu ringgit** untuk kaum Sikh akan diteruskan pada tahun 2015 di bawah **Hal Ehwal Bukan Islam**. Peruntukan tersebut akan digunakan untuk pembangunan minda dan sosioekonomi serta aktiviti-aktiviti masyarakat Bukan Islam di Negeri Perak.

67. Institusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) diiktiraf sebagai badan perantara masyarakat kampung dengan Kerajaan Negeri dalam arus pembangunan. Institusi JKKK juga bertindak sebagai mata dan telinga Kerajaan dalam memastikan keselamatan kampung serta penyelarasan aktiviti pembangunan di peringkat luar bandar. Semestinya JKKK perlu diperkuatkan dengan kemampuan menganjurkan pelbagai aktiviti masyarakat. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri akan menambah peruntukan tahunan untuk setiap **JKKK** dari 3 ribu ringgit kepada **5 ribu ringgit setahun**. Ini melibatkan tambahan peruntukan sebanyak **1.64 juta ringgit** kepada **4.1 juta ringgit**.

68. Peranan dan penglibatan masyarakat Orang Asli dalam arus kemajuan negara perlu sentiasa digarap dan dirangsang agar mereka lebih berdaya maju dan berdaya saing. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri akan menambah peruntukan sebanyak **200 ribu ringgit** kepada **1.7 juta ringgit** di bawah **Program Pengupayaan Orang Asli** pada tahun 2015. Peruntukan tersebut akan digunakan untuk pelbagai aktiviti pembangunan minda dan masyarakat Orang Asli.

69. Kerajaan Negeri telah berikrar untuk memerangi najis dadah sehingga ke akar umbi dengan meletakkan misi Perak Bebas Dadah, Negeri Perak Amanjaya. Susulan itu, Kerajaan Negeri sedang menyediakan Pelan Strategik mulai 2015 sehingga 2020 dengan memberi tumpuan kepada enam strategi utama iaitu pekerja bebas dadah, pelajar bebas dadah, keluarga bebas dadah, komuniti bebas dadah,

pemutihan kawasan panas dan pembanterasannya dadah di peringkat mukim. Lantaran itu, Kerajaan Negeri akan menambah peruntukan untuk **Program Pencegahan Najis Dadah** sebanyak **500 ribu ringgit** menjadi **1 juta ringgit** pada tahun 2015. Amanah ini amatlah berat, namun kita mampu merealisasikannya melalui kerjasama semua pihak yang merentasi sempadan politik dan agama.

70. Komitmen terhadap pencegahan jenayah sentiasa menjadi perhatian kepada Kerajaan Negeri. Oleh yang demikian, peruntukan bagi **Program Pencegahan Jenayah** sebanyak **1 juta ringgit** akan terus disediakan pada tahun 2015. Dengan peruntukan tersebut, pelbagai program pencegahan jenayah akan dapat dilaksanakan, sebagaimana program pencegahan najis dadah.

71. "Bulat air kerana pemetung, bulat manusia kerana muafakat". Memupuk perpaduan di kalangan masyarakat yang berbilang kaum amat penting khususnya di Negeri Perak. Melalui perpaduan, suasana harmoni dan keamanan akan menjurus kepada kenikmatan pembangunan ekonomi dan sosial.

72. Sukan diakui menjadi instrumen memupuk dan menjalin perpaduan dan persefahaman antara kepelbagaian kaum, bangsa dan negara, di samping dapat membentuk masyarakat yang sihat. Oleh itu, pada tahun 2014, buat pertama kalinya, Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan 1 juta ringgit untuk program-program **Sukan Massa**. Menyedari kepentingan sukan, Kerajaan Negeri akan menambah peruntukan untuk sukan massa sebanyak **500 ribu ringgit** menjadi **1.5 juta ringgit** pada tahun 2015.

73. Turut akan ditambah adalah peruntukan untuk **sukan Orang Kelainan Upaya (OKU)** di mana Kerajaan Negeri akan menambah **300 ribu ringgit** menjadi **500 ribu ringgit** pada tahun 2015. Dengan tambahan tersebut, pemberian bayaran insentif yang lebih baik dan pelbagai aktiviti pembangunan sukan OKU akan dapat dilaksanakan.

74. Program-program integrasi sosial, kebudayaan, pendidikan dan ekonomi perlu diterapkan di kalangan masyarakat agar dapat mewujudkan sifat toleransi dan penerimaan kepelbagaian yang akhirnya menjurus kepada perpaduan masyarakat. Justeru itu, pada tahun 2015, Kerajaan Negeri akan meneruskan peruntukan sebanyak **700 ribu ringgit** bagi menjalankan **program-program perpaduan** dan **300 ribu ringgit** untuk program Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA).

Dato' Sri Yang Dipertua,

### **Perumahan Mampu Milik Untuk Rakyat**

75. Kerajaan Negeri amat menyedari tentang keperluan menyediakan rumah mampu milik untuk rakyat Negeri Perak yang berpendapatan rendah dan sederhana. Ini selaras dengan janji atau manifesto pilihan raya Barisan Nasional untuk menyediakan 20,000 perumahan mampu milik untuk golongan berpendapatan sederhana ke bawah dan juga golongan muda yang akan dilaksanakan oleh pihak Kerajaan dan swasta. Malah, ini juga menyokong kepada pencapaian **KRA-1** Perak Amanjaya iaitu **Agihan dan Pembangunan Seimbang**.

76. Untuk itu, Kumpulan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak telah diamanahkan untuk membina 10,000 unit rumah mampu milik sehingga akhir tahun 2018. Sehingga kini, sebanyak 1,680 unit rumah akan dimulakan pembinaannya di Pekan Tapah Road dan 1,720 unit rumah di Bandar Meru Raya. Kawasan-kawasan lain yang dijangka akan memulakan proses pembinaan rumah mampu milik pada tahun 2015 adalah Kamunting Raya, Ulu Bernam Timur, Pengkalan Raya, Hulu Kinta, Taman Trong Bakti, Segari dan Slim River. Pihak Kumpulan PKNP telah mengenal pasti kawasan-kawasan baru di serata Negeri Perak dan kajian kesesuaian sedang dilakukan bagi menentukan projek-projek berdaya maju seterusnya.



77. Kerajaan Negeri juga sedang dalam perbincangan bersama Perbadanan PR1MA Malaysia untuk membangunkan lebih banyak rumah mampu milik di Negeri Perak.

78. Di bawah **Skim Rumah Insan Amanjaya (SRIA)**, peruntukan sebanyak 8 juta ringgit telah disediakan pada tahun 2013 dan 5 juta ringgit pada tahun 2014. Ia selari dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk mewujudkan dana berbentuk “Rolling Plan” sebanyak **60 juta ringgit** dalam tempoh lima tahun bagi penyediaan perumahan untuk rakyat. Seterusnya, pengukuhan komitmen Kerajaan Negeri diteruskan pada tahun 2015 di mana Kerajaan Negeri akan menambah peruntukan sebanyak **5 juta ringgit** menjadi **10 juta ringgit**. Ini menjadikan jumlah kumulatif sehingga 2015 sebanyak **23 juta ringgit**.

79. Selain itu, peruntukan **7.19 juta ringgit** akan disediakan untuk dua **Program Perumahan Rakyat (PPR)** iaitu PPR Daerah Hilir Perak dan PPR Kerian yang akan siap pada tahun 2015. Kedua-dua projek tersebut merupakan projek sambungan dan ianya mengandungi 150 unit rumah pangsa di PPR Hilir Perak dan 100 unit rumah teres di PPR Kerian.

Dato' Sri Yang Dipertua,

### **Program-program yang diteruskan**

80. Beberapa insentif dan kemudahan lain yang telah diumumkan semasa pembentangan Bajet-bajet yang lalu akan diteruskan, termasuklah:

- i) Bayaran elaun tambahan sebanyak **200 ringgit sebulan** berserta elaun khas sebanyak **50 ringgit sebulan** kepada Ketua Kampung;
- ii) Anugerah menunaikan ibadah fardu Haji atau umrah kepada Ketua Kampung berdasarkan kawasan Dewan Undangan Negeri;

- iii) Bayaran elaun tambahan **150 ringgit** sebulan kepada Ketua Kampung Baru, Kampung Bagan dan Kampung Rangkaian;
- iv) Bayaran elaun tambahan kepada guru-guru KAFA sebanyak **200 ringgit** sebulan;
- v) Bayaran elaun bulanan **200 ringgit** kepada bilal dan siak;
- vi) Sumbangan **100 ribu ringgit** kepada Persatuan Bekas Tentera Malaysia Bahagian Perak;
- vii) Sumbangan **100 ribu ringgit** kepada Persatuan Bekas Polis Malaysia Negeri Perak; dan
- viii) Sumbangan **100 ribu ringgit** kepada Persatuan Pesara Kerajaan Malaysia Bahagian Negeri Perak.

Dato' Sri Yang Dipertua,

### **FOKUS KETIGA: MENGUPAYAKAN MODAL INSAN YANG CEMERLANG**

#### **Pembangunan Modal Insan Di Institusi Pengajian Tinggi**

81. Pelaburan di dalam pembangunan modal insan tidak pernah tertera dengan jelas di dalam penyata untung rugi sesebuah organisasi. Namun, ianya tidak dapat dinafikan berperanan besar dalam menentukan prestasi sesebuah organisasi, hatta sebuah Kerajaan dan Negara dalam mencorakkan hala tuju ke arah mencapai wawasan yang disasarkan.

82. Hakikatnya, Kerajaan Negeri di bawah Barisan Nasional sentiasa menyediakan peruntukan yang besar untuk pendidikan dan pembangunan modal insan. Ini selaras dengan **KRA-2** Perak Amanjaya iaitu **Masyarakat Berkemahiran, Berilmu dan Beretika**. Komitmen tersebut akan diteruskan pada tahun 2015,

apabila Kerajaan Negeri memperuntukkan keseluruhan peruntukan berjumlah **58 juta ringgit** untuk tujuan pembangunan modal insan.

83. Bantuan dermasiswa merupakan rangsangan dan juga faktor pemboleh (enabler) kepada bakal pelajar untuk melanjutkan pelajaran di peringkat yang lebih tinggi. Sehingga September 2014, Yayasan Perak telah menerima permohonan dermasiswa sebanyak 13,349 pemohon, di mana sebanyak 9,872 permohonan telah diluluskan melibatkan perbelanjaan sebanyak **7.1 juta ringgit**. Bagi meneruskan agenda pembangunan modal insan yang cemerlang di Negeri Perak, Kerajaan Negeri akan meneruskan peruntukan sebanyak **11 juta ringgit** untuk **bantuan dermasiswa** pada tahun 2015, dan dijangka kira-kira 13 ribu orang pelajar akan menerima manfaatnya dalam setahun.

84. Kerajaan Negeri juga akan meneruskan peruntukan **16 juta ringgit** untuk Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah (KUISAS). Sehingga kini, KUISAS sedang menawarkan 2 program pasca siswazah di peringkat Master, 5 program ijazah sarjana muda dan 15 program diploma. Pada tahun 2015, KUISAS akan menawarkan tambahan 6 program ijazah sarjana muda dan 7 program pasca siswazah. Selain itu, KUISAS juga telah menyiapkan Pelan Induk Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) untuk dibentangkan kepada Kerajaan Persekutuan bagi menaik taraf KUISAS menjadi IPTA.

85. Sejak ditubuhkan pada tahun 1973, **Kumpulan Wang Biasiswa Anak-Anak Melayu dan Bukan Melayu Negeri Perak** telah banyak membantu menaja pengajian anak-anak Perak ke pengajian peringkat tinggi. Sejak itu juga, lebih **98.32 juta ringgit** telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri kepada 10,686 peminjam. Menyedari keperluan semasa dan permohonan yang semakin bertambah, Kerajaan Negeri akan menambah peruntukan sebanyak **2 juta ringgit** menjadi **7 juta ringgit** mulai tahun 2015 kepada Kumpulan Wang Biasiswa ini.

86. Selain itu, Kerajaan Negeri akan meneruskan peruntukan **1.5 juta ringgit** untuk **Program Pengupayaan Mahasiswa**. Peruntukan tersebut akan digunakan untuk pelbagai aktiviti melibatkan golongan mahasiswa.

Dato' Sri Yang Dipertua,

### **Pembangunan Modal Insan Di Peringkat Sekolah**

87. Penyediaan infrastruktur Sekolah Agama Rakyat yang baik pastinya akan membantu meningkatkan mutu pendidikan aliran agama di sekolah-sekolah berkenaan. Sehingga November 2014, sebanyak 2.9 juta ringgit telah dibelanjakan. Untuk itu, peruntukan **3 juta ringgit** akan terus disediakan pada tahun 2015 bagi menambah baik serta menaik taraf **sekolah-sekolah Agama Rakyat** di Negeri Perak.

88. Pada tahun 2015, Kerajaan Negeri juga akan meneruskan bantuan untuk sekolah-sekolah vernakular yang terdiri daripada **Sekolah-sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina dan Mubaligh** dengan peruntukan sebanyak **2 juta ringgit** dan **Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil** dengan peruntukan **1 juta ringgit**.

89. Bagi meningkatkan mutu pencapaian pendidikan anak-anak Orang Asli, peruntukan **500 ribu ringgit** akan diteruskan pada tahun 2015 di bawah **Program Kecemerlangan Murid Orang Asli**.

90. Kemudahan asrama yang selesa untuk pelajar-pelajar luar bandar dan berpendapatan rendah, di bawah **Program Asrama Amanjaya Harmoni (AsAH)** akan diteruskan dengan peruntukan **2.3 juta ringgit** pada tahun 2015.

91. Manakala program-program yang menjurus kepada peningkatan pencapaian akademik pelajar-pelajar akan diteruskan iaitu **Program Pemetaan Minda (Mind**

**Mapping)** dengan peruntukan **3.5 juta ringgit, Program Tuisyen Online** dengan **2.5 juta ringgit** dan **Program Tuisyen Gemilang** dengan **1 juta ringgit**. Ketiga-tiga program ini mempunyai kumpulan sasaran yang berbeza dengan penumpuan kepada mata pelajaran yang berbeza serta pendekatan yang berbeza.

Dato' Sri Yang Dipertua,

92. Kerajaan Negeri menyambut baik penubuhan Yayasan Tabung Persatuan Ibu bapa dan Guru (PIBG) Nasional dengan dana peruntukan 200 juta ringgit seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Peruntukan tersebut akan diagihkan ke semua sekolah di seluruh negara terutama sekolah luar bandar dan pedalaman untuk memantapkan aspek pengajaran dan pembelajaran.

93. Justeru itu, sebagai rangsangan untuk **PIBG** melaksanakan aktiviti peningkatan pencapaian akademik di sekolah-sekolah, peruntukan **1 juta ringgit** akan terus disediakan oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2015. Ia juga merupakan tambahan (*complimentary*) **dengan izin** kepada peruntukan Kerajaan Persekutuan tersebut. Sebagai tambahan, peruntukan **500 ribu ringgit** juga akan disediakan di bawah **Program Bantuan Pendidikan** terutama bagi membantu guru-guru melaksanakan aktiviti mereka.

94. Turut tidak dilupakan adalah kedua-dua tabung yang diwujudkan iaitu **Tabung Khas Pendidikan Anak-Anak Kaum India** dan **Tabung Simpanan Pendidikan Negeri** yang akan diteruskan dengan masing-masing diperuntukkan **1 juta ringgit** dan **500 ribu ringgit** pada tahun 2015.

Dato' Sri Yang Dipertua,

## **Melahirkan Tenaga Kerja Berkemahiran dan Membangunkan Bakat**

95. Kecekapan organisasi tidak lagi diukur dari segi keberkesanan pentadbiran bahkan juga dari segi kemampuan untuk mencari, membangun, mengekal dan menguruskan bakat. Oleh yang demikian, persaingan organisasi adalah ke arah mencari bakat terbaik dari serata dunia dalam mendepani cabaran globalisasi. Aspek pembangunan bakat juga dibentuk melalui kecemerlangan diri **dengan izin** (self improvement) dan pengembangan diri (self development) di mana kedua-duanya berkait rapat dengan penguasaan dan penggunaan ilmu serta kepakaran.

96. Begitu juga dengan peranan **Pusat Kerjaya Amanjaya (PeKA)** bukan sahaja terhad sebagai pemudah cara dalam membantu pencari pekerjaan. Malah PeKA turut berperanan dalam melahirkan tenaga berkemahiran serta membangun dan mengekalkan bakat anak-anak Negeri Perak yang diperlukan bagi memacu usaha menjadikan negeri ini negeri berpendapatan tinggi.

97. Justeru itu, PeKA mengambil pelbagai inisiatif dalam melaksanakan program yang dapat menghasilkan tenaga kerja berkemahiran tinggi, berkualiti, kreatif dan inovatif terutama kepada pelajar di semester akhir Institut Pengajian Tinggi bagi meningkatkan **dengan izin** 'soft skills' dan 'hard skills' mereka. Sejak penubuhannya sehingga September 2014, PeKA telah membantu seramai 19,045 orang pencari kerja mendapatkan pekerjaan. Pada tahun ini sehingga Oktober 2014, seramai 4,053 pemohon berdaftar telah berjaya mendapat pekerjaan melalui PeKA. Pencapaian tersebut turut dibantu oleh 1,400 majikan yang telah berdaftar dan bersetuju bekerjasama dengan PeKA.

98. Bagi memudahkan pencari kerja luar bandar datang menghadiri temu duga, PeKA telah berpindah ke Terminal Amanjaya, Meru Raya sejak awal tahun 2014. Ini merupakan satu langkah proaktif PeKA dalam memastikan perkhidmatan mereka mencapai sasaran yang ditetapkan. Sehubungan itu, dalam usaha melahirkan tenaga kerja berkemahiran serta membangunkan bakat anak-anak

negeri, Kerajaan Negeri akan meneruskan peruntukan **2.2 juta ringgit** untuk PeKA pada tahun 2015.

99. **Koloni Karyawan Amanjaya** atau lebih dikenali sebagai P.O.R.T (*People of Remarkable Talent*) merupakan hasil inisiatif kerajaan negeri Perak sebagai lokasi atau hab bagi karyawan dan peminat-peminat pelbagai bidang seni seperti tarian, lukisan, grafik, lakonan, pementasan, muzik dan suara di Negeri Perak. Peranan P.O.R.T. juga untuk memelihara seni dan budaya negeri Perak dengan memberi fokus kepada 'Penyatuan Melalui Seni'. Pelbagai aktiviti telah dianjurkan pada tahun ini bertemakan kesenian dan kebudayaan seperti Kellies Photography Fest, Performing Arts for Love, Pekan Kartun dan Perak Mosque Trail.

100. P.O.R.T. juga turut terlibat dalam penganjuran seni antarabangsa seperti Festival Puisi dan Lagu Rakyat Pangkor (PULARA). Buat julung kali juga, "33rd World Congress of Poets" (WCoP) telah diadakan di Negeri Perak pada Oktober tahun lalu dengan penglibatan lebih 200 pemuisi dari 28 negara. Justeru itu, bagi terus menggerakkan kegiatan seni dan budaya di Negeri Perak, Kerajaan Negeri akan terus menyediakan peruntukan sebanyak **1 juta ringgit** kepada **P.O.R.T** dan **500 ribu ringgit** kepada **Majlis Kebudayaan Negeri dan Daerah** pada tahun 2015.

Dato' Sri Yang Dipertua,

#### **FOKUS KEEMPAT: MEMPERKUKUHKAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM SERTA MENGERATKAN KERJASAMA AWAM DAN SWASTA**

##### **Memperkuh Sistem Penyampaian Perkhidmatan Awam**

101. Menelusuri sejarah, perkhidmatan awam di negara dan di negeri ini khususnya telah bertukar daripada agen pembangunan **dengan izin**

(developmentalis) kepada fasilitator kemajuan. Kini, perkhidmatan awam menuju dan bertindak sebagai inovator untuk menggerakkan negara mencapai penguasaan ekonomi, menambah baik kualiti modal insan, menangani ketidakseimbangan sosioekonomi, memperbaiki kualiti hidup serta memperkukuh institusi dan kapasiti pelaksanaan.

102. Dalam masa yang sama, rakyat kini adalah lebih berpengetahuan, berpengalaman dan mempunyai harapan tinggi terhadap perkhidmatan awam yang diterima oleh mereka. Oleh itu, perkhidmatan awam diminta untuk terus **mempertingkatkan produktiviti dan mutu kerja yang berkualiti tinggi. Budaya kecemerlangan menyeluruh** dalam semua aspek pengurusan dan penyampaian perkhidmatan Kerajaan perlu sentiasa diamalkan agar perkhidmatan Kerajaan kekal sebagai perkhidmatan yang diyakini oleh rakyat.

103. Penjawat awam mesti dilengkapi dengan ilmu, kemahiran dan kebolehan tertentu yang bertunjangkan kepada ciri-ciri sendiri, khususnya lima prinsip berikut:

- i) **membudayakan ilmu** dengan membaca dan mengikuti latihan yang boleh meningkatkan kompetensi diri;
- ii) **mempamerkan sikap kebolehpercayaan dan keperibadian integriti yang tinggi** bagi meningkatkan keyakinan rakyat terhadap perkhidmatan awam;
- iii) **mempraktikkan amalan-amalan terbaik (best practices)** yang dinamik, progresif dan sentiasa menepati masa;
- iv) **menanam semangat patriotisme** yang tinggi dalam diri dan menunjukkan rasa cinta kepada negara; dan



- v) **memberi penekanan kepada keberhasilan atau *outcome*** berbanding *output*, bagi meningkatkan mutu dan kualiti kerja berdasarkan kepada Petunjuk Prestasi Utama (KPI).

104. Tahap kebolehan dan kecekapan penjawat awam tidak boleh lari daripada tahap kualiti modal insan yang menganggotainya, yang juga dibangunkan melalui pemerksaan bakat. Pada era Bakat Terbuka atau **dengan izin** Open Talent ini, penekanan diberikan kepada pegawai awam yang mempunyai pelbagai kemahiran.

Dato' Sri Yang Dipertua,

## **Pencapaian Perkhidmatan Awam Negeri Perak**

### **Pembudayaan Inovasi**

105. Untuk menjadi negeri berpendapatan tinggi, inovasi seharusnya menjadi tunjang utama kerajaan negeri sama ada melalui perkhidmatan yang lebih baik, pengubahsuaian atau penambahbaikan. Ia adalah hasil cetusan idea-idea yang kreatif dan inovatif dalam mana-mana aspek kerja yang dapat meningkatkan kualiti dan produktiviti organisasi. Untuk itu, bagi meningkatkan daya inovasi yang kreatif, Kerajaan Negeri juga sentiasa mengadakan Konvensyen Inovatif dan Kreatif (KIK) Perkhidmatan Awam dan sambutan Hari Inovasi Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Perak pada setiap tahun untuk meraikan dan mengiktiraf inovasi penjawat awam.

106. Kerajaan Negeri juga secara dasarnya telah bersetuju untuk melaksanakan ***Electronic Medical Automation Supply System (e-MASS)*** untuk pegawai dan pesara termasuk Ahli dan Bekas Ahli Dewan Undangan Negeri. Melalui perkhidmatan ini, pegawai dan pesara berkecayaan tidak perlu mendahulukan wang mereka bagi mendapatkan ubat dan peralatan perubatan yang tidak dibekalkan atau disediakan oleh hospital atau klinik Kerajaan. Ini sudah pastinya

akan meringankan beban kewangan mereka. Untuk itu, Kerajaan Negeri akan melantik syarikat yang berwibawa dan berpengalaman dalam perkhidmatan e-MASS ini pada tahun 2015. Perkhidmatan ini akan dikaji untuk diperluaskan kepada Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan, tertakluk kepada persetujuan agensi dan jabatan tersebut.

107. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri akan terus memperuntukkan **7 juta ringgit** pada tahun 2015 bagi pembangunan modal insan dalam perkhidmatan awam termasuk mengasah dan membentuk kepimpinan, mempelbagaikan bakat dan kebolehan serta membudayakan ilmu dan inovasi di semua peringkat perkhidmatan awam di Negeri Perak.

108. Dari segi pengurusan kewangan, secara keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan jabatan-jabatan di Negeri Perak semakin menunjukkan peningkatan apabila lapan (8) jabatan dan agensi negeri menerima pengiktirafan tertinggi 4 Bintang oleh Jabatan Audit Negara dalam Indeks Akauntabiliti Pengurusan Kewangan Prestasi tahun 2013, berbanding enam (6) jabatan pada tahun sebelumnya.

109. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan syabas dan tahniah atas penganugerahan Indeks Akauntabiliti 4 Bintang yang diperoleh oleh Pejabat Kewangan Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIP), Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri, Majlis Daerah Tanjong Malim, Jabatan Perhutanan Negeri, Majlis Daerah Tapah serta Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri. Sebagai menghargai pencapaian ini, Kerajaan Negeri bersetuju untuk memberikan insentif sebanyak **20 ribu ringgit** kepada setiap jabatan tersebut.

Dato' Sri Yang Dipertua,

## **Memantapkan peranan Pasukan Petugas Pemudah Cara Perniagaan (PEMUDAH)**

110. Pencapaian perkhidmatan awam Negeri Perak juga dilihat melalui jalinan kerjasama awam dan swasta yang baik yang berupaya menjana pulangan yang positif terhadap pembangunan negeri. Ia juga menepati **KRA-3** Perak Amanjaya iaitu **Negeri dan Kerajaan Nadi Pertumbuhan**. Oleh yang demikian, Pasukan Petugas Pemudah Cara Perniagaan (PEMUDAH) Negeri Perak telah ditubuhkan pada tahun 2007 bagi mewujudkan kerjasama awam dan swasta dalam mewujudkan persekitaran perniagaan yang kondusif dan menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan oleh kedua-dua pihak. Untuk makluman, pasukan PEMUDAH Perak merupakan pasukan yang paling aktif berbanding negeri lain dan telah menerima pengiktirafan daripada PEMUDAH peringkat Persekutuan.

111. Sepanjang penubuhannya, pelbagai penambahbaikan dan kejayaan telah dicapai. Antaranya adalah penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Taman Industri atau Industrial Park Management Committee (IPMC) **dengan izin** di peringkat negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan bagi menyelesaikan pelbagai isu yang dihadapi oleh pekilang-pekilang di Negeri Perak. Usaha PEMUDAH Perak juga telah berjaya mendapatkan tambahan isi padu gas ke beberapa kawasan perindustrian di Negeri Perak, pengurangan caj pembangunan daripada 25 peratus kepada 10 peratus dan pelaksanaan sistem permohonan pekerja asing secara atas talian (online).

112. Pada tahun 2015, PEMUDAH Perak komited dalam melaksanakan Projek Pemodenan Lesen Perniagaan di mana lesen-lesen berkaitan perniagaan di peringkat jabatan dan agensi Kerajaan Negeri akan dipendekkan dari segi masa pemrosesannya. Ini akan mengurangkan kos menjalankan perniagaan di Negeri Perak.

113. Sesungguhnya, peranan penjawat awam sebagai agen transformasi paling hadapan amat kritikal dan signifikan kerana mereka menjadi perantaraan antara rakyat dan Kerajaan yang berkesan ke arah menjayakan agenda transformasi negara dan Gagasan Perak Amanjaya.

Dato' Sri Yang Dipertua,

## **FOKUS KELIMA: MEMPERTINGKATKAN KAPASITI DAN JARINGAN INFRASTRUKTUR SERTA KEMUDAHAN AWAM**

### **Meluaskan Jaringan Infrastruktur Jalan dan Pengangkutan**

114. Kemudahan infrastruktur yang efisien menjadi penyumbang utama terhadap pembangunan sesebuah negara, khususnya Negeri Perak. Malah tiada negara atau negeri yang mampu mencapai status maju tanpa mempunyai infrastruktur dan jaringan pengangkutan yang dijaga baik, moden dan mampan.

115. Adalah menjadi hasrat Kerajaan Negeri untuk menyediakan prasarana sistem infrastruktur dan kemudahan asas yang sempurna, selesa, selamat dan menyokong dalam mewujudkan iklim pelaburan yang mantap. Ini selari dengan **KRA-4** Perak Amanjaya iaitu **Jaringan Infrastruktur dan Kemudahan Awam**. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri akan menambah peruntukan sebanyak **5 juta ringgit** menjadi **70 juta ringgit** di bawah Bajet Pembangunan untuk Jabatan Kerja Raya Negeri pada tahun 2015.

116. Daripada jumlah tersebut, **40 juta ringgit** akan digunakan untuk penambahbaikan jaringan jalan raya sedia ada, pengurusan dan penyenggaraan aset infrastruktur serta memastikan keselamatan pengguna jalan raya. Jabatan Kerja Raya juga akan memberi tumpuan bagi meningkatkan tahap keselamatan di 8 lokasi hitam (blackspot) yang sering berlaku kemalangan. Manakala sebanyak **30**

**juta ringgit** dikhususkan untuk pembinaan dan penyenggaraan pelbagai bangunan.

### **Menambah baik Infrastruktur Pengairan dan Saliran**

117. Bagi infrastruktur pengairan pula, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan **15 juta ringgit** di bawah Bajet Pembangunan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri (JPS) pada tahun 2015 di mana **10 juta ringgit** akan dibelanjakan untuk Rancangan Tebatan Banjir dan Saliran Bandar. Selain itu, **2 juta ringgit** adalah untuk pengurusan dan pemuliharaan sungai-sungai, manakala **1.2 juta ringgit** masing-masing akan diperuntukkan untuk menaik taraf infrastruktur pengairan dan pemuliharaan ban pantai.

118. Selain di bawah peruntukan Pembangunan, Kerajaan Negeri turut memperuntukkan sebanyak **33.19 juta ringgit** di bawah Belanja Mengurus Jabatan Pengairan dan Saliran untuk kerja-kerja penyenggaraan pengairan dan skim saliran pertanian serta kawalan hakisan dan pengorekan sungai. Secara keseluruhan, **sejumlah 48.19 juta ringgit** diperuntukkan pada tahun 2015 untuk kerja-kerja menambah baik dan menyenggara infrastruktur pengairan dan saliran di Negeri Perak. Ini jelas menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri begitu komited menambah baik infrastruktur pengairan dan saliran di Negeri Perak bagi tujuan kesejahteraan rakyat dan kemajuan sosioekonomi masyarakat.

119. Kerajaan Persekutuan juga telah meluluskan peruntukan **340 juta ringgit** bagi Projek Rancangan Tebatan Banjir Lembangan Sungai Kerian/Sungai Kurau. Projek ini telah mula dilaksanakan pada akhir tahun 2012 melibatkan dua puluh (20) kontrak kerja. Sehingga kini, sembilan (9) kontrak telah siap manakala sebelas (11) lagi sedang giat dilaksanakan dan dijadualkan siap pada awal tahun 2015. Projek ini amat penting bagi mengatasi masalah banjir di daerah-daerah berkenaan yang melibatkan kawasan seluas 350 kilometer persegi yang boleh mengganggu

kelancaran kehidupan masyarakat dan menjejaskan kawasan - kawasan pertanian, perniagaan, perindustrian serta kemudahan awam.

120. Kerajaan Persekutuan juga telah meluluskan peruntukan berjumlah **25.6 juta ringgit** bagi mengurangkan masalah banjir di sekitar Bandar Taiping. Kesemua projek di bawah peruntukan tersebut akan siap pada tahun 2015.

121. Peruntukan sebanyak **30 juta ringgit** juga telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan bagi melaksanakan projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Kinta Fasa 1. Antara komponen utama projek ini adalah pembinaan dua buah kolam takungan banjir di Sungai Pari dan Sungai Klebang serta pembinaan ban pencegah banjir sepanjang 11 kilometer di tebing Sungai Kinta di kawasan Batu Gajah ke Tanjung Tualang. Kesemua projek RTB Sungai Kinta Fasa 1 ini dijadualkan siap pada tahun 2015.

122. Di kesempatan ini, Kerajaan Negeri ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan di atas kelulusan peruntukan bagi projek-projek berkenaan.

Dato' Sri Yang Dipertua,

### **Penyenggaraan Jalan Raya Negeri di bawah peruntukan MARRIS**

123. Setiap tahun, Kerajaan Negeri menerima pemberian MARRIS daripada Kerajaan Persekutuan bagi penyenggaraan jalan yang meliputi jalan negeri, jalan bandaran, jalan kampung, jalan pertanian, jalan di kawasan perumahan dan jalan di pulau pelancongan. Pemberian tersebut akan diagihkan kepada agensi pelaksana iaitu Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Pihak-pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Pejabat Daerah dan Tanah.

124. Sejar dengan itu, Kerajaan Negeri meminta kerjasama setiap agensi pelaksana iaitu JKR, JPS, PBT dan Pejabat Daerah dan Tanah untuk memberi

keutamaan dan tumpuan kepada usaha-usaha menyenggara dan menaik taraf jalan-jalan negeri di kawasan masing-masing. Ini bagi mengurangkan bilangan aduan kerosakan dan meningkatkan keselamatan pengguna jalan raya serta memberikan keselesaan kepada rakyat.

### **Menaik taraf Projek Bekalan Air**

125. Sebagai sebuah agensi utiliti dengan misi membekalkan air bersih untuk semua, Lembaga Air Perak (LAP) telah menunjukkan prestasi yang memberangsangkan bukan sahaja dari segi kutipan hasil tetapi juga menunjukkan komitmen yang tinggi dan bersungguh - sungguh dalam meningkatkan mutu perkhidmatan dan penyampaian kepada pelanggan di Negeri Perak.

126. Komitmen tersebut akan diteruskan oleh Lembaga Air Perak (LAP) dengan pelaksanaan beberapa projek pada tahun 2015 menggunakan baki peruntukan pinjaman Kerajaan Persekutuan sebanyak **57.4 juta ringgit**, seperti berikut:

- i) Rancangan Bekalan Air Sg. Siput/Manong Fasa II;
- ii) Memperluaskan Sistem Agihan Bekalan Air Greater Ipoh IV;
- iii) Bina/Pasang Loji/Kolam Takungan dan Paip Utama Daerah Larut, Matang dan Selama; dan
- iv) Program Mengurangkan Kadar Kehilangan Air Tak Terhasil (NRW).

127. Selain itu, LAP juga akan memperuntukkan sebanyak **48.4 juta ringgit** untuk membiayai beberapa projek, antaranya seperti berikut:

- i) Membaik pulih dan menaik taraf beberapa Loji Rawatan Air di Selama, Batang Padang dan Kerian;
- ii) Projek Bekalan Air Luar Bandar;
- iii) Bekalan Air Skim Sungai Kinta; dan

- iv) Bina/Pasang Loji/Kolam dan Paip Utama Fasa 3 di Daerah Kuala Kangsar, Daerah Hulu Perak dan Daerah Manjung.

### **Penyediaan Lain-lain infrastruktur**

128. Sebagaimana tahun sebelumnya, Kerajaan Negeri akan terus menyediakan peruntukan **10 juta ringgit** pada tahun 2015 bagi membaik pulih dan menambah baik infrastruktur surau dan masjid.

129. Selain itu, sebanyak **5 juta ringgit** turut diperuntukkan untuk membaik pulih dan menambah baik rumah-rumah ibadat bukan Islam.

130. Kepada Pihak -Pihak Berkuasa Tempatan, Kerajaan Negeri akan menambah peruntukan sebanyak **1 juta ringgit** menjadi **4 juta ringgit** di bawah **Bahagian Kerajaan Tempatan**. Peruntukan tersebut akan digunakan untuk penyediaan pelbagai pembangunan infrastruktur, perkhidmatan bandar dan kemudahan awam yang lebih baik serta kemudahan komersial yang selesa. Ini merupakan satu penghargaan Kerajaan Negeri kepada semua pihak PBT di Negeri Perak yang sentiasa berusaha memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat.

Dato' Sri Yang Dipertua,

### **Peruntukan dan Kebajikan untuk ADUN**

131. Kerajaan Negeri akan meneruskan peruntukan **3 ribu ringgit sebulan** untuk semua 59 buah Pusat Khidmat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), termasuk kawasan pembangkang pada tahun 2015. Ini melibatkan peruntukan sebanyak **2.12 juta ringgit**. Semoga dengan peruntukan tersebut, ianya dapat lebih membantu tugas-tugas semua ahli-ahli Dewan Negeri.



## **Bonus untuk kakitangan Kerajaan Negeri**

132. Sejar dengan pengumuman yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Kerajaan Negeri bersetuju untuk membayar bonus **setengah bulan gaji** atau minimum **500 ringgit** kepada kakitangan Kerajaan Negeri. Ini melibatkan perbelanjaan sebanyak **8.62 juta ringgit**.

133. Pemberian bonus tersebut adalah tanda penghargaan Kerajaan Negeri terhadap sumbangan semua warga perkhidmatan awam Negeri Perak. Diharapkan ianya sedikit sebanyak mampu meringankan perbelanjaan harian dan persekolahan anak-anak menjelang tahun 2015.

134. Bagi bakal pesara, Kerajaan Negeri juga akan menambah peruntukan sebanyak **300 ribu ringgit** menjadi **1.3 juta ringgit** untuk pemberian khas kepada bakal pesara Kerajaan Negeri dari kumpulan pelaksana. Penambahan tersebut adalah bagi menampung pertambahan bilangan pesara wajib dan pesara pilihan. Bakal pesara akan menerima pemberian berbentuk Sijil Amanah Saham Bumiputera (ASB) untuk kaum Bumiputera atau Sijil Simpanan Premium untuk bukan Bumiputra bernilai **3 ribu ringgit**.

Dato' Sri Yang Dipertua,

## **Justifikasi dan Implikasi Kewangan**

135. Bajet yang dibentangkan ini melibatkan belanjawan berjumlah **satu bilion, lima puluh juta, lima ratus lapan belas ribu, empat ratus tujuh puluh tiga ringgit (RM1,050,518,473)** yang dibiayai oleh anggaran hasil dan terimaan pembangunan berjumlah **satu bilion, empat ratus lima puluh tujuh ribu ringgit (RM1,000,457,000)**, lantas menyebabkan defisit yang dianggarkan **50.06 juta ringgit**. Berbanding dengan Bajet tahun 2014, belanjawan 2015 meningkat sebanyak **37.91 juta ringgit** atau **3.74 peratus**.

136. Dari jumlah belanjawan 2015 iaitu **satu bilion, lima puluh juta, lima ratus lapan belas ribu, empat ratus tujuh puluh tiga ringgit (RM1,050,518,473), 707.81 juta ringgit** adalah perbelanjaan mengurus. Ini merupakan 67.37 peratus dari jumlah belanjawan berbanding dengan 66.52 peratus pada tahun 2014. Analisis dari segi nilai pula menunjukkan perbelanjaan mengurus tahun 2014 meningkat sebanyak 47.36 juta ringgit berbanding tahun 2013 atau 7.56 peratus, manakala pada tahun 2015 meningkat sebanyak 34.18 juta ringgit berbanding tahun 2014 atau 5.07 peratus. Trend peningkatan ini bukanlah perkara luar biasa kerana gaji dan emolumen penjawat awam serta kos perolehan barang dan perkhidmatan sentiasa meningkat setiap tahun. Walau bagaimanapun, peratusan peningkatan perbelanjaan mengurus bagi tahun 2015 dapat dikurangkan daripada peningkatan 7.56 peratus pada tahun 2014 kepada peningkatan 5.07 peratus pada tahun 2015. Ini mencerminkan kesan positif dari perbelanjaan berhemah yang diamalkan oleh Kerajaan Negeri.

137. Bajet Tahun 2015 ini memperuntukkan sebanyak **342.71 juta ringgit** untuk pembangunan, bertambah sebanyak **3.73 juta ringgit** atau 1.1 peratus berbanding tahun 2014. Jumlah ini merupakan 32.62 peratus dari jumlah belanjawan 2015. Peningkatan tipis pada kadar 1.1 peratus berpunca dari pertambahan belanjawan mengurus yang sentiasa meningkat setiap tahun, manakala jumlah hasil tidak meningkat pada kadar yang setanding dengan kadar pertambahan belanja mengurus. Menyedari hakikat ini, Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk meningkatkan hasil dengan mempelbagaikan sumber dan juga kutipan yang efisien.

138. Satu perkara yang sering mendapat perhatian Ahli-ahli Dewan Negeri dan juga masyarakat umum ialah soal defisit. Bajet Tahun 2015 menganggarkan defisit sebanyak **50.06 juta ringgit** berbanding 42.47 juta ringgit pada tahun 2014. Walau pun bajet defisit disediakan, Kerajaan Negeri telah mengakhiri tahun-tahun kewangannya dengan lebihan sejak tahun 2009. Ini adalah berkat usaha giat

meningkatkan hasil dan juga amalan perbelanjaan berhemah. Berpandukan kepada pengalaman lalu, anggaran defisit bagi tahun 2015 juga dijangka boleh berkesudahan dengan lebihan, jika suasana ekonomi terus memberangsangkan, insyaAllah.

139. Cabaran getir yang dihadapi oleh Kerajaan Negeri dalam menyediakan bajet yang bersifat dan bermatlamat berpembangunan **dengan izin** (developmental) ialah keterbatasan sumber dana untuk mencukupi hasrat (expectation) **dengan izin** ke arah peningkatan pembangunan. Dalam keterbatasan itu, perlu dicari keseimbangan antara kemampuan dengan pengharapan. Inilah situasi yang mendorong Kerajaan Negeri mengambil pendekatan yang berteraskan prinsip A.R.A.S, iaitu mampu (Affordable) **dengan izin**, realistik (Realistic), boleh dicapai (Achievable) dan mapan (Sustainable).

Dato' Sri Yang Dipertua,

### **Penghargaan dan Terima Kasih**

140. Kerajaan Negeri amat menghargai segala bantuan sama ada berbentuk dana mahu pun perkhidmatan yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan. Inilah hikmah yang diperoleh dari kerjasama erat antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan di bawah teraju dan payung yang sama, iaitu Barisan Nasional. Untuk itu, diucapkan sebanyak terima kasih.

141. Penyediaan Bajet Tahun 2015 ini melibatkan pelbagai pihak yang melibatkan rakyat termasuk pemimpin-pemimpin masyarakat, aktivis masyarakat sivil dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan, golongan peniaga dan korporat serta cendekiawan yang telah menyumbangkan idea serta cadangan bernas melalui sesi-sesi dialog di peringkat pra-penyediaan bajet. Kepada mereka semua yang terlibat, diucapkan sebanyak terima kasih.

142. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan serta ucapan berbilang terima kasih kepada semua jabatan serta agensi kerajaan yang telah memberikan input dalam penyediaan Bajet Tahun 2015 ini.

Dato' Sri Yang Dipertua,

## **PENUTUP**

143. Semasa membentangkan Bajet Tahun 2014 pada tahun lepas, telah disentuh satu hipotesis yang dikenali sebagai "the revolution of rising expectations" **dengan izin** atau terjemahannya revolusi peluapan harapan, yang menyentuh tentang harapan yang membuak-buak dari kalangan rakyat dan juga para pemimpin untuk memuncakkan pencapaian secara bertimbal balik, tanpa berpijak kepada landasan realiti, yang akhirnya menjurus kepada keresahan akibat ketidakcapaian, lantas berpotensi menimbulkan kacau bilau serta ketidakstabilan sosiopolitik yang boleh memusnahkan suasana aman damai yang di kecapai sebelum itu.

144. Pada kesempatan ini pula, saya ingin menyentuh tentang "the colour of inequality" atau warna-warna ketidaksamarataan yang hujahannya berpaksi kepada soal agihan kekayaan dan kesenangan di kalangan rakyat.

145. Dalam buku berjudul "The Colour of Inequality" karya Dr. Muhammed Abdul Khaled, dipetik pelbagai pendapat termasuk ahli-ahli falsafah silam seperti Plato dan muridnya Aristotle dan cendekiawan Islam bernama Ibnu Khaldun, serta para ahli ekonomi moden seperti Adam Smith dan Joseph Stiglitz, yang rata-rata sependapat bahawa jika ketidaksamarataan (inequality) **dengan izin** tidak diberi perhatian, dan kemewahan serta kemiskinan yang ekstrem dibiarkan berleluasa, ia akan menjejaskan keharmonian sosial.

146. Pendapat ini sukar ditangkis kerana telah terbukti bahawa punca utama keresahan yang menyebabkan musibah ketidakstabilan sosiopolitik di negara-negara yang sedang huru-hara sekarang ini adalah soal ketidaksamarataan (inequality), lebih-lebih lagi jika ianya dibiarkan mencengkam golongan majoriti.

147. Sindrom ini perlu dielakkan supaya terhindar kebarangkalian kita terhumban ke dalam kawah gelora yang bermusibah, lebih-lebih lagi dalam negara kita yang berbilang kaum, berbilang budaya dan latar belakang, berbilang agama, malah yang lebih sensitif ialah kepelbagaian kecondongan politik serta asas ekonomi.

148. Usaha sedemikian dijadikan pedoman dalam kerangka penyediaan bajet negeri, lantas diterjemahkan dalam pelbagai program yang sedapat mungkin mencakupi segenap lapisan dan kelompok masyarakat. Justeru, inklusif dan holistik pendekatannya dan A.R.A.S metodologinya.

Dato' Sri Yang Dipertua,

149. Apa pun yang diperkatakan mengenai Bajet Tahun 2015, perkara asas yang paling penting ialah soal kestabilan yang komponen utamanya keamanan, ketenteraman, keselamatan dan kesejahteraan. Ini jugalah yang diidamkan dalam gagasan Perak Amanjaya yang berpaksikan kepada doktrin saling keterpautan antara 'aman' dan 'jaya'.

150. Kedua-dua fenomena iaitu 'peluapan hasrat' atau 'the revolution of rising expectations' dan juga kehodohan warna ketidaksamarataan atau "the colour of inequality" menjadikan tanggungjawab mensuasanakan minda rakyat (conditioning the mindset of the people) **dengan izin** suatu tugas berat, kerana lumrahnya manusia sering dibuai impian untuk mendapatkan yang terbaik, sekalipun realiti kekangan jelas di depan mata. Walau bagaimanapun, percayalah dan yakinlah bahawa Kerajaan yang diterajui Barisan Nasional amat beriltizam dan komited

untuk melunaskan janji serta tanggungjawab demi kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negeri.

151. Bagi mengisi iltizam dan komitmen itu, Kerajaan Negeri telah mula mengambil langkah merekayasa urus tadbir yang bersifat inklusif, dengan membuka ruang dan peluang kerjasama antara Wakil Rakyat pihak Kerajaan dengan pembangkang di bawah beberapa jawatankuasa bersama. Antara jawatankuasa yang telah ditubuhkan bagi maksud tersebut termasuk Jawatankuasa Penerokaan Tanah, Jawatankuasa Lalat, Jawatankuasa Wanita dan Jawatankuasa Pengangkutan Awam. Pendekatan keterbukaan serta inklusif ini merintis jalan ke arah amalan demokrasi partisipatif atau 'participatory democracy' **dengan izin**; sekali gus membuktikan kesungguhan Kerajaan Barisan Nasional melaksanakan agenda kesejahteraan rakyat melampaui sempadan politik. Adalah diharapkan melalui pendekatan ini, jalinan kerjasama antara pihak Kerajaan dan pihak pembangkang akan dapat diperkukuhkan dari semasa ke semasa, sesuai dengan hasrat masing-masing hendak berkhidmat untuk rakyat.

152. Sama-samalah kita doakan serta usahakan semoga Bajet Tahun 2015 ini mendapat keberkatan daripada Allah dan mendapat balasan yang sebaik-baik di sisi-Nya.

***“Dan bahawa sesungguhnya tidak ada (balasan) bagi seseorang melainkan (balasan) apa yang diusahakannya. Dan bahawa sesungguhnya usahanya itu akan diperlihatkan (kepadanya, pada hari kiamat kelak).”***

**(An-Najm: Surah 53, Ayat 39 - 40)**

Dato' Sri Yang Dipertua,

Saya mohon mencadangkan.

Sekian, terima kasih.

Wabillahitaufiq Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarokatuh.